**SMK RIAM, MIRI**
**PERCUBAAN SPM III**
**NOVEMBER 2022**

**PERNIAGAAN**
**KERTAS 2** — **Nama** :________________
**3766/2**
**2 JAM 15 MINIT** — **Kelas** :________________
**TINGKATAN 5**

Arahan : Kertas soalan ini mengandungi **3 bahagian**, Bahagian A : Mengandungi (6 soalan), Bahagian B : Mengandungi (3 soalan) dan Bahagian C: (1 soalan)

**Bahagian A**
[50 *markah*]
*Jawab* **lima** *soalan sahaja*

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | a) | Jelaskan **tiga** konsep asas perniagaan.<br>- Barang dan perkhidmatan<br>- Barang ialah Sesuatu yang mempunyai bentuk fizikal, dapat dilihat dan disentuh<br>- Contoh perabot, makanan<br>- Keuntungan perniagaan<br>- Lebihan hasil jualan setelah ditolak semua kos yang terlibat<br>- Tahap keuntungan dijadikan petunjuk perniagaan berjaya atau tidak<br>- Pertukaran nilai<br>- Tindakan pembeli memberikan sesuatu yang bernilai kepada penjual<br>- Sebagai balasan kepada barang yang diperolehi<br>- Memuaskan kehendak dan keperluan pengguna<br>- Penjual dan pembeli<br>- Kontrak perniagaan | [6 markah] |
| | b) | Jelaskan maksud visi dan objektif sesebuah syarikat perniagaan.<br>maksud visi<br>-penetapan perancangan melibatkan focus jangka Panjang<br>-panduan untuk membuat keputusan dan Tindakan bagi memastikan berada pada landasan yang betul<br><br>Maksud objektif<br>-pembentukan maklumat yang lebih khusus<br>- sasaran boleh diukur bagi membantu pencapaian tujuan organisasi | [4 markah] |
| 2. | a) | Terangkan **tiga** trend persekitaran perniagaan.<br>- Trend meningkat<br>- Menunjukkanaktiviti dan operasi semakin meningkat<br>- Trend menurun<br>- Perniagaan menunjukkan aktiviti semakin menurun<br>- Trend mendatar<br>- Keadaan perniagaan konsisten | [6 markah] |
| | b) | Jelaskan kesan perubahan persekitaran terhadap organisasi perniagaan dari aspek trend.<br>- Guna tenaga<br>- Tenaga buruh yang terlibat dalam kegiatan ekonomi untuk hasilkan barang dan perkhidmatan<br>- Pendapatan<br>- Jumlah nilai pendapatan yang diterima oleh individu dalam jangka masa tertentu<br>- Pertumbuhan ekonomi<br>- Trend pertumbuhan ekonomi berkembang memberi kesan positif kepada perniagaan | [4 markah] |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3. | a) | Soalan 3a) berdasarkan maklumat di bawah.<br><br>Kedai Dobi Harum dimiliki oleh Puan Dina. Perniagaan ini menjalankan perkhidmatan mencuci pakaian dan mempunyai bilangan pekerja tetap seramai 6 orang. Perniagaan ini beroperasi di Parit Raja dan memberikan perkhidmatan kepada penduduk di sekitar bandar ini.<br><br>Jelaskan bentuk pemilikan, saiz dan skala perniagaan di atas.<br>- Milikan tunggal<br>- Dimiliki dan dikawal sepenuhnya oleh seorang individu<br>- Saiz perniagaan kecil<br>- Pekerja tetap antara 5 hingga kurang daripada 35<br>- Skala perniagaan tempatan<br>- Membekalkan perkhidmatan di kawasan tertentu sahaja | [6 markah] |
| | b) | Nyatakan **empat** peranan pengurusan sumber manusia dalam sesebuah organisasi.<br>- Keperluan pekerja, merekrut pekerja/kontrak pekerjaan dan deskripsi tugas<br>- Membangunkan pasukan untuk mencapai sasaran<br>- Latihan peningkatan kemahiran<br>- Pemberian insentif yang munasabah<br>(Jawapan lain diterima) | [4 markah] |
| 4. | a) | Nyatakan peranan pengurusan kewangan dan pengurusan ICT dalam organisasi peprniagaan.<br><br>Peranan pengurusan kewangan:<br>- Membuat perancangan kewangan<br>- Mengagihkan sumber kewangan mengikut peruntukan yang ditetapkan<br>- Mengawal kewangan setiap bahagian<br><br>Peranan pengurusan ICT:<br>- Bertanggungjawab terhadap keselamatan system<br>- Memastikan hanya pengguna yang dibenarkan sahaja boleh mengakses system<br>- Memastikan adanya simpanan penuh untuk menyimpan semula data kritikal dalam keadaa kecemasan. | [6 markah] |
| | b) | Jelaskan definisi pengurusan sumber manusia dalam sesebuah organisasi.<br>- Satu usaha pembangunan tenaga kerja dalam organisasi<br>- Untuk menarik, membangun dan mengekalkan tenaga pekerja yang berprestasi tinggi<br>- Juga dikenali sebagai pengurusan modal insan<br>- Memfokuskan kepada keperluan tenaga kerja dan pengurusan dalam pembahagian kerja. | [4 markah] |
| 5. | a) | Nyatakan dan terangkan tujuan mengurus sumber teknologi dalam sesebuah perniagaan.<br>- Harta intelek<br>- Untuk menjaga perniagaan daripada ancaman cetak rompak, barangan tiruan, penyalahgunaan, penggunaan tanpa kebenaran dan sebagainya<br>- Lesen perisian<br>- Dapat mengelakkan diri daripada dikenakan saman<br>- Melindungi nama baik perniagaan<br>- Kemahiran dan pengalaman<br>- Supaya kualiti dan prestasi perniagaan terjamin | [6 markah] |
| | b) | Nyatakan **dua** jenis pembiayaan dalaman dan luaran.<br><br>Pembiayaan dalaman:<br>- Simpanan peribadi<br>- Modal daripada keuntungan/rizab | [4 markah] |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Pembiayaan luaran :<br>- Bank dan institusi kewangan<br>- Agensi kerajaan | |
| 6. | a) | Jelaskan kelebihan berniaga sebagai satu peluang kerjaya dari aspek matlamat peribadi dan objektif perniagaan.<br><br>Matlamat peribadi:<br>- Untuk mencari rezeki<br>- Pengurusan masa perniagaan yang fleksibel<br>- Membentuk personality seorang perniagaan<br><br>Objektif perniagaan:<br>- Banyak peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang<br>- Kreatif dan dinamik<br>- Memenuhi keperluan dan kehendak pengguna | [6 markah] |
| | b) | Nyatakan butiran yang terkandung dalam Kunci Kira-Kira.<br>- aset bukan semasa<br>- aset semasa<br>- ekuiti pemilik<br>- ambilan | [4 markah] |

**Bahagian B**
[30 markah]
(*Jawab* **dua** soalan sahaja)

| | | | |
|---|---|---|---|
| 7. | a) | Berikut ialah logo sebuah pemilikan perniagaan. | |
| | i) | Nyata dan terangkan ciri-ciri bentuk pemilikan perniagaan berdasarkan gambar tersebut.<br>- Syarikat awam berhad<br>- Dimiliki dan dikawal sepenuhnya oleh 2 hingga tiada had maksimum<br>- Modal dikumpulkan daripada pemegang syer<br>- Pengurusan dijalankan oleh lembaga pengarah yang dipilih oleh pemegang syer<br>- Ditubuhkan di bawah akta syarikat 1965 | [5 markah] |
| | ii) | Maklumat berikut berkaitan dengan Puan Aisyah.<br><br>Puan Aisyah ingin membuka sebuah kedai runcit dengan menggunakan wang simpanannya sendiri.<br><br>Tuliskan prosedur lengkap yang perlu dilakukan oleh Puan Aisyah mendaftarkan perniagaannya.<br>- Mengisi borang carian nama<br>- Mengisi borang A | [6 markah] |

<table>
<tr><td></td><td></td><td>- Hantar kepada pendaftar perniagaan, suruhanjaya syarikat malaysia<br>- Membuat bayaran rm30 jika nama seniri, rm60 jika nama tred<br>- Mendapatkan borang D, iaitu sijil perakuan pendaftaran perniagaan</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>b)</td><td>Berikut ialah carta organisasi Syarikat Pakaian Lip Lap Lip Lap.




Jelaskan tujuan dan bagaimana visi sebuah syarikat itu ditetapkan.<br>- untuk mencapai matlamat perniagaan dalam jangka masa panjang / melebihi 5 tahun<br>- untuk mendorong semua pihak yang terlibat dalam sesebuah organisasi memahami dan bekerjasama<br>- visi diterjemah dan ditetapkan dalam bentuk tindakan kepada setiap pekerja<br>- ketua pegawai eksekutif akan menjelaskan visi yang ingin dicapai oleh organisasi kepada pengurusan pemasaran dan pengurusan pengeluaran<br>- pengurus pemasaran akan menyampaikan visi kepada pekerja A</td><td>[4 markah]</td></tr>
<tr><td>8.</td><td>a)</td><td>Dialog berikut menunjukkan gaya pengurusan Encik Hakim dan Encik Aqil.<br><br>Encik Hakim : Saya sentiasa memberi peluang dan kebebasan kepada pekerja saya untuk memberi idea dan membuat keputusan dalam kerja tetapi masih dalam pengawasan saya. Saya percaya dan yakin pekerja saya boleh melakukan kerja dengan cemerlang.<br><br>Encik Aqil : Tapi Encik Hakim, saya lebih suka membuat keputusan sendiri tanpa perlu bertanya kepada pekerja. Lagipun saya ingin pastikan matlamat yang ditetapkan dapat dicapai tepat pada masa. Pekerja hanya perlu ikut arahan sahaja.<br><br>Adakah anda bersetuju dengan gaya pengurusan Encik Aqil? Berikan alasan anda.<br>- Tidak setuju<br>- Kerana menggunakan gaya autokratik<br>- Tindakan majikan tegas dalam mencapai matlamat<br>- Berpotesi untuk menimbulkan ketidakpuasan hati di kalangan pekerja<br>- En Aqil tidak memberi peluang kepada pekerja membuat keputusan</td><td>[5 markah]</td></tr>
<tr><td></td><td>b)</td><td>Jelaskan kemahiran kebolehkerjaan yang sesuai diambil kira oleh Encik Hakim untuk bakal pekerja di syarikat beliau.<br>- Kemahiran kebolehkerjaan<br>- Kemahiran berkomunikasi<br>- Kerja berpasukan</td><td>[4 markah]</td></tr>
</table>

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | - Penyelesaian masalah | |
| | c) | Maklumat berikut berkaitan dengan perakuan pendaftaran perniagaan.<br><br>SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA<br>COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA<br>PERAKUAN PENDAFTARAN<br>AKTA PENDAFTARAN PERNIAGAAN 1956<br>BORANG D (KAEDAH 13)<br>No. Pendaftaran<br>SA0168124-D<br>TAJUL HAKMAH BIN ABDUL RAZAK<br>NO. 41, LORONG MAHKOTA IMPIAN 2/16,<br>SEKSYEN 2<br>42300 PUNCAK ALAM<br>SELANGOR | |
| | | Jelaskan tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh peniaga selepas mendapat perakuan pendaftaran perniagaan tersebut.<br>- Mempamerkan sijil perakuan pendaftaran perniagaan dan lesen perniagaan<br>- Mempamerkan di tempat yang boleh dilihat dengan jelas<br>- Mempamerkan papan tanda perniagaan yang mengikut spesifikasi<br>- Mempamerkan ditempat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan<br>- Nama dan nomborpendaftaran tertera<br>- Tertera pada dokumen rasmi perniagaan seperti resit, invois dan nota serahan | [6 markah] |
| 9. | a) | Gambar berikut menunjukkan satu aktiviti di dalam sebuah premis kilang.<br> | |
| | i) | Nyatakan dan jelaskan peranan bahagian fungsian yang terlibat dalam gambar tersebut.<br>- Bahagian fungsian pengeluaran<br>- Menghasilkan barang dan perkhidmatan<br>- Memenuhi keperluan dan kehendak pengguna<br>- Menukarkan input kepada output | [4 markah] |
| | ii) | Bagaimanakah prosedur mengurus sumber fizikal yang terdapat dalam premis kilang tersebut.<br>- Perlindungan insurans dan keselamatan<br>- Insurans kebakaran<br>- Melindungi mesin, bangunan, stok dan kilang daripada kebakaran<br>- Insurans kecurian<br>- Semua aset akan dilindungi<br>- Boleh mengambil insurans untuk risiko lain<br>- Penyelenggaraan baik pulih terancang<br>- Perlu sentiasa diselenggara secara berkala | [5 markah] |
| | b) | Situasi berikut merujuk kepada Hadi, bakal usahawan.<br>Hadi baharu sahaja berhenti kerja sebagai seorang operator di sebuah kilang di Sri Gading. Beliau bercadang untuk memulakan perniagaan menjual Air Batu Campur (ABC). Anggaran modal yang diperlukan untuk membeli peralatan dan bahan mentah ialah RM3 500. Oleh itu, beliau bercadang untuk membuat pinjaman daripada Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN). | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Bandingkan kekuatan dan kelemahan jenis pembiayaan yang dipilih oleh Hadi.<br>Kelebihan :<br>- Memberi pinjaman kepada peniaga yang tidak mempunyai cagaran<br>- Jumlah pinjaman boleh disesuaikan dengan keperluan semasa<br>- Tidak dikenakan faedah<br><br>Kelemahan:<br>- Persaingan yang sengit<br>- Jumlah pinjaman terhad<br>- Perlu membuat pinjaman berulang kali<br>- Tertakluk kepada terma dan syarat | [6 markah] |

**Bahagian C**
[20 *markah*]
(**Wajib** jawab)

SYARIKAT ASAM PEDAS ROSDI'S ENTERPRISE

Encik rosdi berpengalaman selama 10 tahun sebagai tukang masak utama di sebuah restoran di Muar. Pada masa lapang, Encik Rosdi rajin menelaah pelbagai jenis buku resipi masakan. Oleh kerana minat yang sangat mendalam dalam dunia masakan, Encik Rosdi mengambil inisiatif untuk mencuba pelbagai jenis masakandan kebanyakkan masakannya disukai oleh para pengunjung restoran. Antara masakan beliau yang amat digemari oleh pelanggan restoran ialah masakan asam pedas ikan merah dan pari segar. Sebenarnya, Encik Rosdi telah berjaya mencipta satu ramuan khas yang memberi rasa enak terhadap masakan asam pedas ikan segar tersebut. Pada Januari 2017, Encik Rosdi dengan berbekalkan modal sebanyak RM85 000 berkat simpanan selama 10 tahun telah memulakan restorannya sendiri yang terletak tidak jauh dari tempat kerja asalnya itu.

Beliau mendaftarkan perniagaannya Syarikat Asam Pedas Rosdi's Enterprise. Menu utamanya ialah asam pedas ikan laut dan sungai segar. Dalam masa sebulan sahaja, restoran beliau sudah menjadi "viral" dan terkenal dalam kalangan pengunjung restoran. Malah restoran beliau juga mula dikenali oleh penduduk di bandar-bandar berdekatan seperti Batu Pahat dan Kluang. Pada hujung minggu, ramai orang dari bandar-bandar ini datang untuk menjamu selera masakan beliau. Memandangkan sambutan ini, pada tahun 2018 beliau membuka cawangan di kedua-dua bandar ini menggunakan tanda dagang yang sama. Jualan bersih syarikat dianggarkan sebanyak RM 567 320 manakala untung kasar syarikat ialah RM 455 559 setelah ditolak dengan semua kos jualan.

Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan-soalan berikut.

| | | | |
|---|---|---|---|
| 10a. | i) | Huraikan ciri-ciri keperibadian yang terdapat dalam diri Encik Rosdi sebagai seorang usahawan dalam bidang makanan yang berjaya di bandar Muar<br>- Berani mengambil risiko<br>- Kreatif dan inovatif<br>- Yakin diri dan optimistic<br>- Berinisiatif dan bertanggungjawab<br>(Jawapan lain diterima) | [4 markah] |
| | ii) | Huraikan faktor modal dan kemahiran yang dapat membantu untuk memulakan perniagaan bagi menentukan kejayaan perniagaan Encik Rosdi.<br>Modal :<br>- Permulaan bagi sesebuah perniagaan<br>- Merupakan wang tunai, alatan atau stok<br><br>Kemahiran : | [3 markah] |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | -perlu pengetahuan dan kemahiran tertentu sebelum menceburkan diri dalam bidang tersebut<br><br>- kemahiran pengurusan kewangan, kemahiran pemasaran produk dan penggunaan media sosial yang berkesan | |
| b. | | Huraikan kepentingan interaksi Syarikat Asam Pedas Rosdi's Enterprise dengan pihak organisasi luar.<br>- mewujudkan kepentingan jaringan<br>- mengukuhkan hubungan baik sedia ada<br>- menjalinkan Kerjasama strategik<br>- menambahkan sumber perniagaan | [4 markah] |
| c. | i) | Kirakan Peratusan Margin Untung kasar bagi syarikat Restoran Asam Pedas Rosdi's dengan menggunakan analisis nisbah untung<br>Peratusan Margin Untung Kasar<br>= untung kasar / jualan bersih x 100%<br>= RM 455,559.00 / RM567,320.00 X 100%<br>= 80.30%<br><br>Bagi setiap RM1 jualan bersih, untung kasar yang diperoleh ialah 80.30 sen. | [4 markah] |
| | ii) | Huraikan persediaan dari segi factor strategi pemasaran dan jualan bagi produk asas bagi syarikat Encik Rosdi.<br><br>Sasaran pasaran :<br>-usahawan perlu mengetahui tentang ciri-ciri dan kehendak kumpulan pengguna tertentu untuk memasarkan produk atau perkhidmatan dengan lebih berkesan<br><br>Campuran pemasaran :<br>- produk<br>- barang atau perkhidmatan yang ditawarkan kepada pengguna<br>- pengagihan<br>- untuk menyalurkan produk atau perkhidmatan kepada pengguna<br>- harga<br>- perlu mengambil kira kos yang terlibat<br>- promosi<br>- memberitahu dan memujuk pengguna membeli produk atau perkhidmatan | [5 markah] |

**KERTAS SOALAN TAMAT**

| Di sediakan oleh: | Di semak oleh: | Di sahkan oleh: |
|---|---|---|
| ____________________ | ____________________ | ____________________ |
| Nazura Binti Hamidi<br>Penggubal soalan | Angelia Goh<br>Ketua Panitia | Sarkawi Karia<br>Ketua Bidang Votek |